

JHEP anjur Pertandingan Kesenian Siri 2 Kategori Nyanyian Lagu Moden

UB 7.12.2018 B3

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar Bahagian Kebudayaan & Kesenian menganjurkan Pertandingan Kesenian (Inter-Kolej) Siri 2 Sesi 2018/2019 Kategori Nyanyian Lagu Moden sempena Tamu Gadang UMS Ke-20, 2018 yang diadakan pada 24 November bertempat di Pentas Utama, Padang Kawad, UMS.

Pertandingan ini disertai lima kolej kediaman yang bertanding iaitu Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU), Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTU), Kolej Kediaman Excellent (KKE), Kolej Kediaman Usia Iborneo (KKU1B) dan Kolej Kediaman Sri Angkasa (KKSA) yang melibatkan 11 orang peserta akhir.

Program ini bertujuan

meningkatkan bakat-bakat di kalangan pelajar UMS untuk diketengahkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Lebih 200 orang pelajar hadir termasuk pengunjung tapak Tamu Gadang UMS menyaksikan pertandingan pada malam itu.

Muhammad Hishamudin B Raman dinobatkan sebagai johan Kategori Nyanyian Lagu Moden adalah dimenangi Muhammad Hishamudin B Raman (KKTU) diikuti naib johan Adriana Josephcia (KKTU), tempat ketiga Stephanie Soon Jia Sin (KKTU), manakala tempat keempat Siti Asmidah Bt Salbin (KKU1B) dan kelima Vernon Vest Mangun (KKKF). Para pemenang menerima sebuah trofi, sijil

dan juga hamper.

Juri jemputan adalah Dayang Noraini Sahari @DN Sahari, Juara Sinaran Passport Kegemilangan Musim ke-6, Mohd Mujahid Halpi, Juara Pertandingan Lagu Asli Peringkat Antarabangsa ASEAN kategori Melayu anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan Abdul Haidy Penggubah dan penulis lirik lagu tempatan Sabah.

Turut hadir dalam program tersebut adalah Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmadi Haji Nurudin Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP, Alan James, Pengetua-Pengtua Kolej Kediaman, felo-felo kolej kediaman, pegawai dan staf JHEP dan juga Jakmas kolej kediaman.



PEMENANG Kategori Nyanyian Lagu Moden anjuran JHEP.